

**PENGGUNAAN KERIS DAHULU DAN SEKARANG :  
SATU PERBANDINGAN**

**ROZIATI BT HAMZAH**

**97345629**

**SARJANA MUDA SENIREKA LOGAM HALUS**

**FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**CAWANGAN KELANTAN**

**18500 MACHANG**

**KELANTAN DARUL NAIM**

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim.....*

Alhamdulillah, syukur ke hadrat ilahi kerana dengan izinNya maka dapatlah dihasilkan sebuah tesis yang telah pun diamanahkan dan diharapkan ia dapat memberikan satu rujukan untuk **Fakulti Senilukis Dan Senireka** amnya dan **Jabatan Senireka Logam Halus** khususnya. Tesis ini adalah sebagai salah satu daripada ribuan himpunan khazanah ilmu pengetahuan untuk ditafsirkan pada generasi akan datang.

Sepanjang kajian yang telah dijalankan, terdapat banyak pengalaman yang amat berguna dapat dimanfaatkan dalam menilai sesuatu perkara yang berkaitan. Pengalaman ini tidak datang dengan sendiri melainkan dengan adanya inisiatif sendiri dalam menyiapkan tesis ini. Sehubungan dengan itu, secara tidak langsung, ia akan dapat mematangkan diri kerana setiap pengalaman yang dikutip semasa membuat kajian ini amatlah berguna untuk dijadikan panduan dan landasan yang betul dalam menyiapkan dan melengkapkan lagi tesis ini.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan kepada individu – individu yang terlibat baik secara langsung atau pun tidak dalam menjayakan tesis ini. Di antara individu – individu tersebut ialah :

- **EN. NIK ABDULLAH ZAWAWI BIN CHE MAT**  
*Penyelia Tesis ( Pensyarah Pengajian Liberal Senilukis Dan Senireka )*
- **TN. HJ MOHD DAHURI BIN IDRIS**  
*Koordinator Fakulti Senilukis Dan Senireka UiTM, Machang.*

- *PENSYARAH – PENSYARAH FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA*
- *PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UiTM SHAH ALAM*
- *PERPUSTAKAAN UiTM, CAWANGAN KELANTAN*
- *PERPUSTAKKAN AWAM NEGERI KELANTAN*
- *MUZIUM NEGERI KELANTAN*
- *MUZIUM NEGERI TERENGGANU*
- *PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA,  
CAWANGAN KOTA BHARU, KELANTAN*
- *KB PERMAI ( KARANGKRAFT KELANTAN SILVERCRAFT )*
- *PENGUSAHA – PENGUSAHA KERIS*
- *ORANG RAMAI*
- *KELUARGA DAN RAKAN – RAKAN SEPERJUANGAN*

Semoga apa yang terkandung di dalam pengkajian ini akan dapat sama – sama dikongsi ilmu pengetahuan dan moga – moga diberkati *Allah s.w.t.....Insyaallah.*

Sekian, Terima Kasih.

**ROZIATI BT HAMZAH**

## SINOPSIS

Kajian ini adalah tertumpu kepada kajian yang berkaitan dengan penggunaan keris dahulu dan sekarang yang mana ia merupakan satu perbandingan di antara penggunaan keris pada masa dahulu dan juga sekarang. Perbandingan ini dibuat adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana perubahan yang telah berlaku terhadap penggunaan keris pada masa dahulu dan sekarang dan juga untuk meninjau apakah faktor yang telah menyebabkan kepada proses perubahan tersebut. Sehubungan dengan itu, bagi menyiapkan kajian ini, pengkaji perlu mendapatkan seberapa banyak maklumat berkenaan dengan latar belakang keris terlebih dahulu. Oleh itu, maklumat – maklumat yang berkaitan dengan keris perlu dicari berdasarkan kepada kajian – kajian lampau yang telah dikeluarkan oleh pengkaji – pengkaji yang terdahulu untuk mendapatkan serba sedikit panduan berkenaan dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, maklumat – maklumat lain dapat diperolehi dengan menggunakan beberapa kaedah. Di antaranya ialah melalui kaedah data prima yang diperolehi melalui kaedah temubual terhadap responden yang terlibat, sementara data sekunder pula adalah melalui kaedah pembacaan. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati bahawa, ternyata terdapat begitu banyak perbezaan tentang tujuan penggunaan keris pada masa dahulu dan kini. Di samping itu, pengkaji juga mendapati faktor masa dan persekitaran adalah faktor yang paling dominan di mana ia menyebabkan kepada proses perubahan penggunaan keris pada masa kini. Ini adalah disebabkan oleh faktor masa dan persekitaran telah banyak mempengaruhi tatacara kehidupan masyarakat Melayu khususnya pada hari ini. Selain daripada itu, tahap pengetahuan masyarakat Melayu terhadap penggunaan keris di dapati kurang disebabkan oleh kurangnya pendedahan yang dilakukan oleh pihak – pihak yang tertentu. Oleh itu, pihak – pihak tertentu sama ada badan kerajaan ataupun swasta, media cetak dan juga media elektronik haruslah memainkan peranan dalam menghidupkan warisan ini agar ia tidak luput ditelan zaman. Stesyen – stesyen televisyen khususnya seharusnya menerbitkan dokumentari – dokumentari berkenaan dengan warisan seni masyarakat Melayu khasnya di dalam bentuk visual untuk dipertontonkan. Namun begitu, walaupun keris tidak lagi berfungsi sebagaimana dahulu, tetapi, sifatnya kini telah digantikan dengan item berbentuk dekoratif. Apa yang pasti, identiti keris mewakili bangsa dan budaya serta simbol Kemelayuan. Warisan yang tidak ternilai harganya ini haruslah dipelihara sewajarnya agar ia berkekalan selama – lamanya.

## SENARAI GAMBAR / ILUSTRASI

GAMBAR	TAJUK	HALAMAN
1. GAMBAR 1	: BAHAGIAN – BAHAGIAN KERIS	16
2. GAMBAR 2	: GAMBARAN KERIS BERSERTA SARUNGNYA	17
3. GAMBAR 3	: KERIS TANJUNG PANJANG MATA : 41 CM HIMPUNAN MUZIUM NEGERI	17
4. GAMBAR 4	: KERIS SEMBILAN LOK HULU GADING BERUKURAN 9 CM	18
5. GAMBAR 5	: KERIS SEMPENA BERHULU ‘ ANAK AYAM TELENG ‘ MEMPUNYAI 7 LOK PANJANG MATA : 39 CM	18
6. GAMBAR 6	: GAMBARAN PENGGUNAAN KERIS PADA MASA DAHULU	19
7. GAMBAR 7	: COKMAR KERIS BAGI INSTITUT PERINDUSTRIAN SELANGOR	19
8. GAMBAR 8	: KERIS SEBAGAI CENDERAHATI	20
9. GAMBAR 9	: KERIS DIJADIKAN ‘ <i>KEY CHAIN</i> ‘	20
10. GAMBAR 10	: MONUMEN KERIS JUBLI PERAK SULTAN SELANGOR, 1985	21
11. GAMBAR 11	: KERIS : LAMBANG ANGKATAN TENTERA DARAT MALAYSIA	21